



## **SYARAT DAN PERATURAN DODGEBALL TERBUKA**

### **1. NAMA KEJOHANAN**

**PERTANDINGAN DODGEBALL TERBUKA, KEJOHANAN KARNIVAL SUKAN UPM 2019**

**TARIKH : 23 MAC 2019 (SABTU)**

**MASA : 8:00 PAGI - 6.00 PETANG**

**TEMPAT : GELANGGANG ADK**

**LOKASI : KOLEJ 10 & KOLEJ 11, UPM**

**KATEGORI : LELAKI**

### **2. PASUKAN DAN PEMAIN**

- 2.1 Penganjur mempunyai hak untuk menerima atau menolak penyertaan pasukan atau pemain tanpa sebarang penjelasan atas sebab melanggar syarat dan peraturan yang ditetapkan oleh badan kebangsaan.
- 2.2 Kejohanan ini adalah terbuka. Semua butiran dalam borang pendaftaran perlu diisi dengan lengkap.
- 2.3 Pemain perlu berpakaian sukan dan berkasut lengkap sepanjang kejohanan.
- 2.4 Pengurus setiap pasukan yang mendaftar perlu patuh kepada BYLAW, *Code of Conduct* serta syarat dan peraturan perlawanan sepanjang kejohanan berlangsung.
- 2.5 Setiap pasukan terdiri daripada maksimum sepuluh (10) orang peserta dan minimum lapan (8) orang peserta iaitu enam (6) orang di dalam gelanggang beserta dua (2), tiga (3) atau empat (4) orang *ball retriever* di luar gelanggang.

### 3. HADIAH

- i. Johan – RM 1,500 + Medal
- ii. Naib Johan – RM 1,200 + Medal
- iii. Tempat Ketiga – RM 900 + Medal

### 4. MEKANISMA KEJOHANAN

- 4.1 Masa perlawanan adalah 10 minit (tiada pertukaran gelanggang)
- 4.2 Pasukan akan bertanding menggunakan format liga (1 pusingan sahaja) untuk pusingan pertama dan format kalah mati untuk pusingan kedua.
- 4.3 Mata perlawanan akan diberikan seperti berikut:
  - 4.3.1 Menang- 3 mata
  - 4.3.2 Seri - 1 mata
  - 4.3.3 Kalah - 0 mata
- 4.4 Sekiranya 2 atau lebih pasukan mempunyai mata yang sama, keputusan akan dibuat berdasarkan 'perbezaan skor' daripada setiap perlawanan.
- 4.5 Perlawanan akan dimainkan untuk kategori lelaki.
- 4.6 Seramai 6 pemain dan 4 *ball retriever* diperlukan oleh setiap pasukan untuk setiap perlawanan. Namun begitu sekiranya kekurangan pemain, pasukan masih boleh bermain dengan 6 pemain; 5 pemain di dalam gelanggang dan 1 orang *ball retriever* diperlukan untuk membolehkan perlawanan dimulakan.
- 4.7 *Walk Over* adalah 3-0 apabila pasukan lewat lebih daripada 10 minit.
- 4.8 Pertukaran pemain hanya boleh dilaksanakan selepas setiap set perlawanan.
- 4.9 Kad kuning dan merah akan digunakan sepanjang kejohanan.
- 4.10 Kad merah (atau 2 kad kuning pada satu pemain dalam satu perlawanan) akan menerima 2 penggantungan perlawanan serta merta atau melalui pertimbangan badan disiplin.

- 4.11 Kad kuning terkumpul (Kad kuning yang diterima daripada perlawanan berbeza) sebanyak 3 kad akan dianggap seperti dikenakan kad merah.
- 4.12 Penganjur perlawanan berhak mengubah butiran kejohanan bila dirasakan perlu.
- 4.13 SEMUA KEPUTUSAN *MARSHAL* ADALAH MUKTAMAD. Sebarang pertikaian tidak akan dilayan.

## **5. PENGECAMAN PEMAIN**

- 5.1 Pasukan perlu mendaftar kepada pegawai kejohanan 10 minit sebelum setiap perlawanan bagi tujuan pengecaman pemain.

## **6. TERMA DAN SYARAT**

- 6.1 Pihak penganjur serta pemegang taruh, pengarah, pekerja, pegawai kejohanan, agen atau sukarelawan tidak akan bertanggungjawab atas sebarang kecederaan, kematian atau sebarang kerosakan yang mungkin berlaku semasa kejohanan ini dilaksanakan

## **7. BANTAHAN**

- 7.1 Sebarang bantahan hanya boleh dibuat oleh Pengurus atau Ketua Pasukan sahaja dan hendaklah dibuat secara lisan kepada Urus Setia Pertandingan dalam masa 10 minit selepas perlawanan tamat. Surat bantahan hendaklah ditandatangani oleh Pengurus Pasukan dan disertakan dengan wang cagaran secara tunai sebanyak RM200.00 (Ringgit Malaysia: Dua Ratus Sahaja). Wang cagaran tidak akan dikembalikan sekiranya bantahan itu gagal atau ditolak.

## 8. PENDAFTARAN DAN HUBUNGI KAMI

1. Yuran pendaftaran ialah RM 250 (berdaftar MAD) dan RM 350 (tidak berdaftar MAD) melalui deposit tunai atau pembayaran atas talian (online transfer) ke akaun: **8002151963 – KIRA-KIRA AM UPM (CIMB BANK)**.
2. Sila sertakan resit atau bukti pembayaran kepada urusetia.
3. Baki bayaran yuran penyertaan boleh diselesaikan semasa mesyuarat pengurus pasukan.
4. Untuk mendapatkan borang serta syarat permainan sila layari : <http://www.i-sukan.upm.edu.my> (pergi ke karnival sukan upm 2019)
5. Semua borang penyertaan yang telah lengkap diisi hendaklah diserahkan kepada Urusetia Pertandingan melalui:- email: [lufti@upm.edu.my](mailto:lufti@upm.edu.my) dan num Hp : 012-2104340 (En.Lufti) sebelum atau pada **15 Mac 2019**.
6. Undian akan diadakan pada 19 Mac 2019 jam 8.30 mlm ( Tertakluk kepada perubahan ) di Pusat Sukan UPM.
7. Syarat-syarat dan peraturan di atas boleh diubah atau ditambah oleh penganjur tanpa perlu memaklumkan kepada pasukan-pasukan yang akan bertanding; dan
8. Segala keputusan oleh pihak penganjur adalah **MUKTAMAD**.

<b>TEAM NAME:</b> NAMA PASUKAN:		<b><u>CATEGORY/KATEGORI</u></b>  LELAKI
<b>CLUB NAME:</b> NAMA KELAB:		
<b>MANAGER NAME:</b> NAMA PENGURUS:		
<b>MANAGER CONTACT:</b> KONTAK PENGURUS:		
<b>ASST.MANAGER / COACH NAME:</b> NAMA PEMBANTU PENGURUS/ JURULATIH:		
<b>ASST.MANAGER / COACH CONTACT:</b> KONTAK PEMBANTU PENGURUS / JURULATIH:		

<b>PLAYERS LIST/SENARAI PEMAIN</b>				
<b>NO.</b>	<b>PLAYER'S PICTURE/ GAMBAR PEMAIN</b>	<b>PLAYER'S FULLNAME/ NAMA PENUH</b>	<b>JERSEY NUMBER/ NOMBOR JERSEY</b>	<b>IDENTIFICATION # (PASSPORT FOR NON MALAYSIAN)</b>
1		<b>CAPTAIN/KETUA PASUKAN:</b>		
2				

---

Karnival sukan UPM 2019

3				
4				
5				
6				
7				
8				
9				
10				

**Tarikh:**.....

.....  
**(Tandatangan Ketua Pasukan)**